

# Gah!

Gaya Hidup • Artistik • Hiburan

Bakat seni reka dan daya cipta dua belia ini digilap ketika mereka melalui tiga minggu pengajian di Glasgow, Scotland. Bagaimanakah idea kreatif dua lulusan Sekolah Seni Glasgow Singapura itu berkembang selepas tamat pengajian? **HARYANI ISMAIL** (haryani@sph.com.sg) melaporkan perjalanan seni mereka sempena Pertunjukan Ijazah Sekolah Seni Glasgow Singapura di galeri Sekolah Seni Singapura (Sota) baru-baru ini.

## Program di Glasgow timbulkan cinta pada dunia iklan

ENCIK Abdul Rahman Abdul Rashid menyifatkan dirinya sebagai belia yang tidak betah duduk diam dan sering berubah-ubah minat dan kecenderungan.

Jika dahulu beliau bercita-cita menjadi wartawan malah mengikuti kursus Diploma Sebaran Am di Institut Pembangunan Pengurusan Singapura (MDIS), cintanya juga pada bidang bunyian dan perfileman.

Namun, beliau tidak pernah menjangka rezeki lumayannya terletak pada bidang pengiklanan sehingga akhirnya mengikuti kursus ijazah reka bentuk komunikasi di Sekolah Seni Glasgow Singapura.

Pengalaman tiga minggu mengikuti program penyerapan di kampus institusi itu di Glasgow, Scotland, malah membuka mindanya pada idea lebih kreatif dan 'gila-gila' yang tidak pernah diteroka sebelum ini.

Keunikan idea sebegitulah yang diterapkan dalam projek tahun akhirnya, *What's Wrong With Black Sheep?* Ia dihasilkan dalam bentuk majalah dengan pelbagai ilustrasi, cogan kata dan stail huruf yang di-

selongkar secara terperinci tetapi santai.

Kegigihan Encik Abdul Rahman, 26 tahun, berfikir secara spontan dan kreatif itu menarik perhatian pensyarahnya.

Beliau adalah pelajar cemerlang yang berjaya diterima dalam program baru UPSTARTS yang merupakan inisiatif penempatan kerja yang dipercepatkan buat lulusan universiti.

Program ini merupakan kerjasama Lembaga Kemajuan Ekonomi (EDB) dan Institut Pengiklanan Singapura (IAS).

Matlamatnya ialah memperbaiki usaha menarik bakat berpotensi dalam bidang pengiklanan di samping memajukan latihan kemahiran bagi lulusan baru yang ingin mempertingkatkan potensi mereka dalam dunia pengiklanan.

Encik Abdul Rahman akan menyertai agensi pengiklanan mapan, Ogilvy & Mather, Isnin ini bagi latihan setahunnya.

Ketika ditemui *Gah!*, pemuda ramah ini berkata: "Seni kreatif dekat di hati saya. Masalahnya, kecende-



**TEBAR KREATIVITI:** Encik Abdul Rahman Abdul Rashid, yang bakal memulakan latihan penempatan kerja yang dipercepatkan buat lulusan universiti, UPSTARTS, di agensi pengiklanan mapan Ogilvy & Mather Isnin ini, teruja dengan peluang membangun minda kreatifnya. - Foto-foto KHALID BABA

runan saya sering berubah-ubah. Perjalanan yang saya lalui dalam mengejar cinta sebenar juga panjang. Saya tidak hanya ingin mendalami sesuatu bidang dan mudah bosan jika terlalu lama terperuk dalam satu cabang seni kreatif.

"Awalnya, saya minat menulis malah ingin jadi wartawan dan mengambil Diploma Sebaran Am. Apabila mendapati tulisan yang dihasilkan dalam dunia kewartawanan kadang kala membatasi daya kreatif saya, minat saya beralih arah pada bidang perfileman pula.

"Reka bentuk komunikasi, bagaimanapun, memberi saya kepuasan

kerana ia mencabar saya agar berani meluahkan idea di luar dugaan ramai orang. Daya kreatif saya benar-benar diuji."

Majalah berwarna-warni *What's Wrong With Black Sheep?* yang seronok dibekal itu timbul daripada pengamatan Encik Abdul Rahman tentang iklim politik menyusuli perantaraan Presiden Donald Trump sebagai pemimpin Amerika Syarikat.

"Saya lihat banyak perkongsian maklumat dan pandangan tersebar dengan begitu meluas di media sosial.

"Ada yang terbawa-bawa dengan emosi. Ada yang terpengaruh dan

mengambil perkara yang dikongsi bulat-bulat tanpa menyelidiki kesahihannya. Justeru itu, timbul masalah kita sebagai pengguna media sosial dibebani dengan terlampau banyak maklumat," jelasnya.

Isu-isu sebeginilah yang beliau kongsi dalam cebisan seni yang direkannya dalam majalah tersebut.

Ditanya tentang program UPSTARTS yang bakal disertainya, Encik Abdul Rahman berkata:

"Saya hanya mencuba nasib saya dalam program ini kerana tertarik dengan kisah seorang penulis iklan yang saya temui di London.

"Ia peluang keemasan bagi saya mengetahui lebih mendalam tentang

dunia pengiklanan yang mencabar dan memerah seluruh jiwa raga dan minda anda.

"Pucuk pangkalnya, kita harus berani bermain dengan kata-kata dalam dunia pengiklanan. Bagi saya, ia adalah satu kemahiran yang saya harap dapat saya teroka di dalam program UPSTARTS kelak."

Mengenai pengalaman di Glasgow, beliau menyifatkannya sebagai membuka mata dari segi pertukaran idea dan pengalaman yang mampu diraih.

"Glasgow kekal sebagai kota kegemaran saya kerana suasana dan budaya kreatifnya yang menyerlah dan merangsang minda," katanya.

## Tertarik pada idea rekaan berbilang agama

IMPIAN jangka panjang Encik Farzan Aziz ialah melakar dan mereka bentuk seni bina masjid suatu hari nanti.

Sungguhpun begitu, idea berbilang budaya dekat di hati dan sentiasa menarik perhatian lulusan ijazah reka bentuk daripada Sekolah Seni Glasgow Singapura.

Beliau malah menghasilkan projek bertajuk *Sacred Within The Profane* berupa model bangunan yang menampilkan ruang inklusif bagi masyarakat pelbagai agama berseimbangan di bawah satu bumbung.

Projek itu dipamerkan sempena pertunjukan tamat ijazahnya di galeri Sekolah Seni Singapura (Sota) baru-baru ini.

Ketika ditemui *Gah!*, Encik Farzan, 26 tahun, berkata: "Saya sering temui ruang musollah terletak di balik tangga atau di ceruk terencil sesebuah bangunan komersial atau pejabat. Foto musollah di merata bangunan saya kumpulkan sebagai bahan kajian.

"Bagaimanapun, dengan kemodenan yang melanda kini, kebanyakan reka bentuk bangunan khususnya di Eropah condong ke arah reka bentuk sekular. Ini dapat saya lihat dalam kunjungan ke Britain.

"Pada pandangan saya, sesuatu aktiviti kerohanian memerlukan ruang khusus yang menenangkan dengan pencahayaan yang baik serta keluasan ruang bagi membolehkan individu berdo'a dengan tenang.


"Maka, saya hasilkan model bangunan dengan ruang luas di mana setiap agama akan ada sudut tersendiri. Ia merupakan ruang lebih inklusif dan melambangkan semangat berbilang budaya dan agama."

Dalam bangunan itu juga, Encik Farhan memperuntuk ruang bagi perpustakaan yang terisi dengan kitab rujukan pelbagai agama.

"Saya juga mereka bentuk ruang ini seakan-akan ia satu perjalanan dalam mengenali tuntutan agama lain.

"Menerusi projek ini, perbezaan dapat diraikan dalam suasana harmoni. Struktur air yang disisipkan sebagai hiasan dalaman juga memberi ketenangan pada ruang renungan diri ini," katanya yang juga memiliki Diploma Seni Bina daripada Politeknik Singapura (SP).

Encik Farzan, dalam pada itu,



**FIKIRKAN RUANG INKLUSIF:** Encik Farzan Aziz teruja akan reka bentuk sekular bangunan di luar negara yang menekankan tentang masyarakat inklusif tanpa mengira latar belakang agama.

senang dengan peluang menjalani program penyerapan selama tiga minggu di kampus Sekolah Seni Glasgow di Scotland.

"Sewaktu ke sana tahun lalu, saya menjalani Ramadan dengan tempoh berpuasa yang lebih panjang.

"Namun pengalaman tersebut amat menyeronokkan kerana dalam waktu yang singkat, saya dapat mengamati cara hidup dan budaya belajar masyarakat pelajar di sana mahupun masyarakat Islamnya yang terdiri daripada berbilang kaum," katanya.

### Herbal Pharm

## Luxury Watch

### Tahniah Kepada Semua Pemenang Cabutan Bertuah Perdana Jam Tangan Mewah 2017 Herbal Pharm

Kami ucapkan tahniah atas kemenangan anda dan terima kasih kepada semua pelanggan yang memberi sokongan kepada Herbal Pharm.

#### Nama Para Pemenang

Nombor	Hadiah	Nama Penuh	No NRIC/Pasport
Pertama	Jam tangan Mewah (Bernilai \$20k)	Nornahar Bte Abdul Rahman	xxxxx393J
Ke-2	Jam tangan Mewah (Bernilai \$17k)	Sulaiman Bin Ibrahim	xxxxx737J
Ke-3	Jam tangan Mewah (Bernilai \$15k)	Jabbar Bin Aman	xxxxx916G
Ke-4	Jam tangan Mewah (Bernilai \$10k)	Zainah Bte Ahmad	xxxxx293H
Ke-5	Jam tangan Mewah (Bernilai \$6k)	Rosenani Bte Osman	xxxxx308F
Ke-6	Cek Tunai \$500	Kamis Bin Sirat	xxxxx982Z
Ke-7	Cek Tunai \$500	Rosenen Bin Raias	xxxxx473Z
Ke-8	Cek Tunai \$500	Ismail Bin Lion	xxxxx129F
Ke-9	Cek Tunai \$500	Kamisah Bte Rashid	xxxxx569Z
Ke-10	Cek Tunai \$500	Fauziah Bte Ahmad	xxxxx414C
Ke-11	Cek Tunai \$500	Salbiyah Bte Mahwan	xxxxx847B
Ke-12	Cek Tunai \$500	Ramlah Bte Kassim	xxxxx642H
Ke-13	Cek Tunai \$500	Zaharah Bte Abdul Rahman	xxxxx562E
Ke-14	Cek Tunai \$500	Ramlah Bte Mohd Zin	xxxxx320C
Ke-15	Cek Tunai \$500	Rohani Bte Ujang	xxxxx282E

Herbal Pharm

8A Race Course Lane, Singapore 218735 Email: sales@herbalpharm.com.sg • Website: www.herbalpharm.com.sg • Facebook: Herbal Pharm

Hotline: 6749 0004

